

03/02/2002

New York bagaikan kubu perang

FORUM Ekonomi Dunia (World Economic Forum) yang berusia 32 tahun lazimnya setiap tahun diadakan di Davos, sebuah bandar ski resort (percutian mewah bermain ski) di Switzerland. Sebab itu ia juga dikenali sebagai Forum Davos sempena nama resort terkenal itu.

Bagi menunjukkan solidariti dengan New York selepas peristiwa 11 September, penganjur Forum Davos memutuskan persidangan tahunan 2002 diadakan di New York. Seramai 82 peserta dari Malaysia diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terdiri daripada pegawai kerajaan dan sektor swasta menghadirinya.

Dr Mahathir diminta memberi ucapan 'Peranan Islam Dalam Sebuah Negara Moden' sebagai pengiktirafan kejayaan sebuah negara Islam dalam era k-ekonomi dan globalisasi. Malaysia dianggap negara Islam termaju di dunia.

Peserta yang berjumlah 3,000 orang terdiri daripada ketua kerajaan, pemerintah, presiden, perdana menteri, ketua eksekutif multinasional, pemikir, intelektual, saintis, pengarang akhbar, penulis dan jemputan yang difikir boleh memberi sumbangan ke arah hala tuju dan orientasi politik dunia, ekonomi dan sosial.

Berlangsungnya Forum Davos di New York adalah bagai ubat atau 'balm' bagi bandar raya terulung ini yang reputasi dan 'soul'-nya (rohnya) tercedera kerana peristiwa 11 September.

Forum Davos diberi jolokan sebagai 'forum kapitalis dan elita' kerana forum ini berpengaruh yang menentukan orientasi politik, ekonomi dan sosial pada masa depan atau paling kurang memberi gambaran apa yang mungkin dan akan berlaku, yakni trend roda dunia. Hanya minda yang dianggap terbaik diundang.

Maka, seperti yang berlaku di Seattle, Genoa, Quebec dan Davos (tahun lepas), beribu-ribu orang dari seluruh dunia Barat merusuh dan berdemonstrasi menentang perjumpaan kapitalis ini kerana bagi pembangkang-pembangkang (protestors) ini, forum ini diadakan bagi mengekalkan ketidakadilan ekonomi, sosial dan politik yang wujud di alam ini.

Di New York, seramai 4,000 anggota NYPD menjaga keselamatan peserta yang menghadiri forum di hotel terkemuka Waldorf-Astoria dan 12,000 lagi pegawai dan personel NYPD dikerah menjaga keselamatan hotel dan keseluruhan bandar raya, terutama di mana peserta dan pelancong tinggal daripada ancaman teroris dan mereka yang anti-Forum Davos ini. Ruang angkasa Manhattan seluas dua batu nautika turut diisytihar zon larangan terbang kecuali helikopter polis dan angkatan tentera udara Amerika (USAF).

Kerana kehadiran begitu ramai polis beruniform, hadangan dan sekatan polis, New York bagaikan kubu perang. Saya tidak pernah mengalami sebelum ini selama empat tahun tinggal di sini tetapi kerana kawalan polis yang profesional, semua berjalan dengan baik. Penunjuk perasaan juga tahu rekod dan kekerasan NYPD termasyhur dengan kekejamannya apabila dicabar.

Kalau dunia ada teroris penentang Forum Davos menggelarkan Forum Davos 'teroris korporat', mereka yang menentang forum ini dianggap oleh ramai sebagai moralis yang angkat diri sendiri sebagai juara dan hakim apa yang baik dan tidak dalam dunia ini. Teringat saya kepada mereka yang juga demikian di tanah air - fikiran dan pendapat mereka saja yang benar dan mesti diturut dan diikuti kerana mereka seolah-olah khalifah, orang bijak dan maksum.

